

2012/03/23

### **Ibu rayu bantu Khairil 7 tahun di penjara Taiwan**



HAJJAH menunjukkan surat dan gambar Khairil yang dikirim dari penjara Taiwan selepas ditahan menjadi keldai dadah pada 2006.

**GOPENG:** Seorang ibu tidak mampu membendung tangisan apabila dapat mendengar suara anak lelaki kesayangannya walaupun hanya kira-kira empat minit menerusi telefon setiap kali sambutan Tahun Baru Cina dan Aidilfitri sejak tujuh tahun lalu.

Hanya ketika dua perayaan itu Khairil Azuan Abu Hasan, 32, yang kini meringkuk di Penjara Tao Yuan, Taiwan, dibenarkan menghubungi ibunya, Hajijah Abdul Rashid, 54, yang tinggal di Simpang Sindu, Kampung Kepayang, dekat sini.

Khairil Azuan yang dipercayai menjadi keldai dadah ditahan di Lapangan Terbang Chiang Kai Shek Taipei pada 14 Jun 2006 selepas didapati membawa 1,536 gram heroin dan dijatuhi hukuman penjara seumur hidup oleh Mahkamah Tinggi di Taiwan pada 2008.

Sehingga kini Khairil tidak pernah bercerita kejadian yang membawa kepada penahanannya atau pihak yang menyuruhnya membawa dadah kerana setiap perbualan telefon atau surat ditapis pihak berkuasa Taiwan. - Hajijah Abdul Rashid, Ibu

Hajijah berkata, dia hanya tahu kejadian itu selepas dimaklumkan menerusi surat daripada Pusat Persahabatan dan Perdagangan Rakyat Malaysia di Taiwan bertarikh 14 Ogos tahun sama.

"Saya juga dimaklumkan pihak berkuasa Taiwan tidak membenarkan sesiapa, termasuk keluarga menemuinya kerana kesalahan dilakukan adalah serius," katanya pada sidang media di rumahnya, semalam.

Mungkin surat dikirim anak kedua daripada empat beradik itu setiap tiga bulan dapat mengubati kerinduan Hajijah dan suaminya, Abu Hasan Puteh, 57, sebelum mereka kembali ke rahmatullah.

Hajijah yang bekerja sebagai tukang cuci di sebuah bank di Batu Gajah, merayu kerajaan khususnya

Kementerian Luar dapat membantu beliau atau suaminya yang bekerja sebagai buruh kuari di Kampar, bertemu Khairil Azuan di penjara di Taiwan.

Katanya, sehingga kini Khairil Azuan tidak pernah bercerita kejadian yang membawa kepada penahanannya atau pihak yang menyuruhnya membawa dadah itu kerana setiap perbualan telefon atau surat yang dikirimnya ditapis pihak berkuasa Taiwan.

“Saya merayu kepada mana-mana pihak membantu kami sekeluarga sekurang-kurangnya bertemu Khairil Azuan sebab dia di tempat orang, kita tidak tahu hidup matinya bagaimana,” katanya.

Hajijah berkata, anaknya itu yang pernah berkahwin dan mempunyai dua anak yang kini berusia 12 dan sembilan tahun, tidak mempunyai sebarang rekod jenayah sepanjang berada di Malaysia serta sepanjang pengetahuannya tidak pernah menjadi penagih dadah.

Katanya, sebelum kejadian, Khairil Azuan menetap dan bekerja di sebuah kilang di Batu Gajah.